



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

BIL.95 / 2019

### **SPR TERIMA PERAKUAN MAHKAMAH MENGENAI PEMBATALAN KEPUTUSAN PILIHAN RAYA PARLIMEN P.176 KIMANIS, SABAH**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima Perakuan Mahkamah di bawah Seksyen 36A(3) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 yang mengisytiharkan bahawa keputusan pilihan raya bagi kerusi Parlimen P.176 Kimanis, Sabah yang diadakan pada 9 Mei 2018 adalah tidak sah dan terbatal.
2. Sehubungan dengan itu, selaras dengan Perkara 54(1) Perlembagaan Persekutuan, SPR akan mengisi kekosongan kerusi tersebut dalam tempoh 60 hari dari tarikh kekosongan yang ditentukan oleh SPR iaitu mulai 10 Disember 2019.
3. Pemakluman secara rasmi telah dihantar kepada Yang Di-Pertua Dewan Rakyat pada 9 Disember 2019.
4. SPR akan mengadakan Mesyuarat Khas bagi membincangkan mengenai pelaksanaan pilihan raya tersebut. Tarikh mesyuarat tersebut akan dimaklumkan nanti oleh pihak SPR.

Sekian, terima kasih.

  
**DATUK AZHAR AZIZAN HARUN**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 9 Disember 2019 / 12 Rabiul Akhir 1441H